



Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



Pendekatan Nūr al-Dīn ‘Itr (1937-2020) dalam Isu Kemasyarakatan Kontemporari melalui Hadis Nabawi


Nūr al-Dīn ‘Itr’s (1937-2020) Approach to Contemporary Social Issues through Prophetic Hadith

Abdul Hadi Awang , Mohd Khafidz Soroni , Mohd Kamarul Khaidzir Saadan , & Parlindungan Simbolon³

To cite this article:


Awang, A. H., Soroni, M. K., Saadan, M. K. K., & Simbolon, P. (2025). Pendekatan Nūr Al-Dīn ‘Itr (1937-2020) dalam isu kemasyarakatan kontemporari melalui hadis nabawi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1626-1635. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.560>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.560>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:

 <https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>

 Published online: 17 December 2025

 Submit your article to this journal:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>

 View related articles:
<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.





Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad

Vol. 10, No. 2, (December, 2025)

Pendekatan Nūr al-Dīn 'Itr (1937-2020) dalam Isu Kemasyarakatan Kontemporari melalui Hadis Nabawi



*[Nūr al-Dīn 'Itr's (1937-2020) Approach to Contemporary Social Issues
through Prophetic Hadith]*

Abdul Hadi Awang ^{1*}, Mohd Khafidz Soroni ¹, Mohd Kamarul Khaidzir Saadan ²,
& Parlindungan Simbolon³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

² Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

³ Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Al-Kifayah, Iskandar Muda Kelurahan Air Putih Kecamatan Tuah Madani, Jl. Uka, Karya Indah, Kec. Tapung, Kota Pekanbaru, Riau 28296, INDONESIA.

* Corresponding Author: Abdul Hadi bin Awang. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), MALAYSIA.  abdulhadi@uis.edu.my  (+60) 17-474 0134.

Keywords:

Nūr al-Dīn 'Itr,
Hermeneutics of Hadith,
Contemporary Issues

ABSTRACT

The Prophetic hadith remains relevant across all eras, as it comprises the words of the Prophet (peace be upon him) inspired by Allah the Almighty. Both the meaning and wording of the hadith transcend time and age. This study aimed to examine the interpretations of the modern *muḥaddith* Nūr al-Dīn 'Itr regarding Prophetic traditions in addressing contemporary issues. Employing a qualitative descriptive library research method, this study analysed a hadith that presents the parable of *al-ghayth* (rain) as a symbol of divine guidance and knowledge. Through a literary-hermeneutical approach, Nūr al-Dīn 'Itr explicates this hadith by integrating rhetorical analysis (*balāghah*), symbolism, and social critique. The findings highlighted the rhetorical beauty of the hadith in linking the symbolism of rain to historical realities and the moral decline of societies before and after Islam. The three types of soil in the hadith represent varying human receptivity to guidance. This study concluded that the modern world mirrors earlier periods of darkness due to materialistic dominance. This finding underscored the continued relevance of Prophetic guidance in restoring authentic human values.

Contribution: This article highlights the enduring relevance of the Prophetic traditions across all eras. In particular, Dr. Nūr al-Dīn 'Itr's contemporary interpretation of the term *al-ghayth* (rain) proves to be highly pertinent to present-day circumstances. The recurrence of events and temporal shifts underscore the necessity of understanding the Prophet's ḥadīth in accordance with the context of each age.

Kata Kunci:

Nūr al-Dīn 'Itr, *Takwil Hadis, Isu Kontemporer*

ABSTRAK

Hadis Nabi SAW adalah sesuai digunakan sepanjang zaman kerana sabda Nabi SAW juga adalah ilham daripada Allah SWT. Bukan sahaja makna hadis yang sesuai pada setiap zaman, bahkan perkataan yang digunakan juga menepati setiap zaman. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengangkat tafsiran *muḥaddīth* kontemporeri Nūr al-Dīn 'Itr terhadap hadis Nabawi dalam mendepani isu kontemporeri. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif diskriptif berbentuk kepustakaan terhadap karya Nūr al-Dīn 'Itr dengan memfokuskan kepada satu hadis yang membicarakan perumpamaan *al-ghayth* (hujan) sebagai lambang hidayah dan ilmu. Melalui pendekatan takwilan sastera, beliau menghuraikan hadis ini dengan gabungan analisis *balāghah*, simbolik dan kritik sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau tidak hanya menekankan keindahan retorik hadis, tetapi juga mengaitkan makna simbolik hujan dengan realiti sejarah dan keruntuhan moral masyarakat sebelum dan sesudah kedatangan Islam. Tiga jenis tanah dalam hadis mewakili pelbagai bentuk penerimaan manusia terhadap hidayah. Dapatan kajian menegaskan bahawa dunia moden sedang mengulangi kegelapan zaman silam akibat dominasi materialisme. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa, kehadiran hidayah kenabian sangat mendesak bagi membimbing manusia kembali kepada nilai kemanusiaan pada zaman kontemporeri ini. **Sumbangan:** Artikel ini menonjolkan bahawa hadis-hadis Nabi SAW sentiasa relevan dengan zaman. Melalui artikel ini, pemahaman kontemporeri terhadap maksud hujan (*al-ghayth*) oleh Dr. Nūr al-Dīn 'Itr sangat tepat dengan situasi masa kini. Pengulangan peristiwa dan masa menyebabkan keperluan terhadap kepentingan memahami hadis Nabi SAW mengikut konteks setiap zaman.

ARTICLE HISTORY

Received: October 01, 2025
Revised: November 24, 2025
Accepted: November 25, 2025
Available Online: December 17, 2025
Published: December 19, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Awang, A. H., Soroni, M. K., Saadan, M. K. K., & Simbolon, P. (2025). Pendekatan Nūr Al-Dīn 'Itr (1937-2020) dalam isu kemasyarakatan kontemporeri melalui hadis nabawi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1626-1635. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.560>

I. PENDAHULUAN

Lanskap intelektual pemikiran Islam kontemporeri memperlihatkan satu dinamika yang sarat dengan interaksi antara autoriti keagamaan, wacana sosio-politik, serta cabaran berterusan yang dihadapi oleh komuniti Muslim di seluruh dunia. Dalam kerangka kerumitan ini, suara para sarjana Muslim tampil sebagai instrumen utama dalam usaha menavigasi pelbagai cabaran, dengan tujuan mengharmonikan prinsip-prinsip Islam tradisional dengan realiti kehidupan moden (Usman, 2025). Jaiyeoba, Ushama, dan Amuda (2024) menjelaskan bahawa masyarakat masa kini berdepan dengan pelbagai kerumitan sosial dan etika yang semakin meningkat, sedangkan ajaran moral al-Quran tetap relevan dalam menawarkan solusi untuk menangani pelbagai cabaran kontemporeri dengan cara yang menyuburkan keadilan, keharmonian, dan kasih sayang dalam konteks

kehidupan moden. Al-Quran dan secara langsung hadis Nabi Muhammad SAW, merupakan dua sumber asas *Sharīhah* (undang-undang Islam) yang menjadi landasan kepada kerangka akidah, perundangan, teologi, akhlak, etika, pemikiran, sistem sosial, amalan kehidupan, urusan ekonomi dan kewangan, politik, batasan budaya, prinsip moral, norma pendidikan dan lain-lain lagi (Jaiyeoba & Osmani, 2025). Justeru, sarjana Islam perlu mengetengahkan *turāth* Islam yang merangkumi al-Quran, hadis dan sumber keilmuan Islam dalam menangani isu-isu masyarakat semasa kerana ia merupakan warisan intelektual dan epistemologi Islam yang telah terbukti menjadi asas ketamadunan umat selama berabad-abad. *Turāth Islam* ialah memori intelektual dan peradaban umat Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai warisan sejarah, tetapi juga sebagai asas rujukan untuk menjawab persoalan kontemporari.

Prof. Dr. Nūr al-Dīn 'Itr (NDI) telah mengarang sebuah kitab bertajuk *Fī Zilāl al-Ḥadīth al-Nabawī wa Ma'ālim al-Bayān al-Nabawī* yang menghuraikan hadis nabawi melalui lensa sastera. Beliau menjelaskan bahawa ramai ulama terdahulu dan terkemudian yang telah mensyarahkan hadis nabawi dan mengeluarkan faedah-faedah serta hukum hakam ilmiah, namun hanya sedikit yang mengarang karya sastera dalam hadis nabawi seperti ulama silam al-Sharīf al-Ridā melalui karyanya bertajuk *al-Majāzāt al-Nabawiyah* dan ulama kini Dr. 'Iz al-Dīn 'Alī al-Sayyid melalui karyanya bertajuk *al-Ḥadīth al-Nabawī min al-Wajhah al-Balāghiyah* ('Itr, 2013).

Hal ini menunjukkan perhatian NDI terhadap bahasa Arab dan *balaghah* seperti nasihat beliau kepada Dr. 'Abd al-Samī' Muḥammad al-Anīs dengan katanya "Sangat perlu mengambil berat dalam mengajar bahasa Arab agar remaja kita dapat menikmati *balaghah* al-Quran dan mendalami lebih mendalam tentang rahsia dan maknanya...". Sesungguhnya al-Quran telah menawan hati orang-orang Arab kerana mereka memahaminya dan menikmati *balaghah*nya (Al-Anīs, 2020).

2. BIOGRAFI NŪR AL-DĪN 'ITR

Nama penuh beliau adalah al-'Allāmah al-Mufasssīr al-Muḥaddith al-Muḥaqqiq al-Faqīh al-Adīb Professor Doktor al-Syaikh Nūr al-Dīn bin Muḥammad bin Ḥassan 'Itr al-Ḥasanī al-Ḥalabī al-Dimashqī ('Itr, 2023; Al-Mansūr, 2020; Al-Nadawī, 2020). Nasab beliau adalah daripada Sayyidinā al-Ḥasan bin 'Alī RA (Al-Mansūr, 2020; Kātabī, 2020). Ahli keluarganya yang terkenal adalah datuknya Haji Ḥassan, bapa saudara sebelah ibunya al-'Allāmah al-Mufasssīr al-Muḥaddith al-Ḥāfiẓ al-Shaykh 'Abd Allah Sirāj al-Dīn dan datuk sebelah ibunya, bapa al-Shaykh 'Abd Allah Sirāj al-Dīn iaitu al-'Allāmah al-Kabīr al-Syaikh Muḥammad Najīb Sirāj al-Dīn (W. 1373 H./1954 M.) (Al-Mansūr, 2020). Kehidupan beliau dengan persekitaran seperti ini telah menyemai perasaan cintakan ilmu dan ulama dalam dirinya sejak kecil lagi (Kātabī, 2020). Beliau telah berkahwin dengan anak perempuan gurunya dan juga bapa saudaranya, al-Shaykh 'Abd Allah Sirāj al-Dīn dan dikurniakan dengan empat orang cahaya (Kātabī, 2020). Beliau dilahirkan Ḥay al-Bustān, kawasan kejiranan yang terkenal di bandar lama Ḥalab, Syria pada hari Rabu, 17 Safar 1356 H./28 April 1937 M. ('Itr, 2023). Beliau membesar dalam keluarga cintakan keilmuan dan kesolehan serta berpegang kuat kepada al-Quran dan sunnah (Hassan, 2023).

NDI menerima pendidikan rendah sebuah sekolah di bandarnya sebelum menyambung pelajaran di sekolah menengah al-Khusrawiyah dan mendapat Sijil Menengah Syariah dengan cemerlang pada tahun 1954 M (Al-Mansūr, 2020). Beliau juga mengikuti halaqah-halaqah ilmu oleh ulama besar Ḥalab yang diadakan di masjid-masjid dan majlis-majlis khusus (Kātabī, 2020). Kemudian beliau melanjutkan pelajaran di Fakulti Syariah, Universiti Al-Azhar dan bergraduasi sebagai pelajar terbaik pada tahun 1958 M. Setelah lulus peperiksaan pengajian peringkat ijazah sarjana, beliau melanjutkan lagi pengajian sehingga berjaya memperoleh ijazah kedoktoran dari Jabatan Tafsir dan Hadis dengan pangkat cemerlang (*mumtāz*) pada tahun 1964 M. Tesis PhD beliau berjudul *Tarīqah al-Tirmizī fī Jāmi'ihī wa al-Muwāzanah baynahu wa bayna al-Ṣaḥīḥayn* yang kemudian ditukar kepada tajuk *Al-Imām al-Tirmizī wa al-Muwāzanah bayna Jāmi'ihī wa al-Ṣaḥīḥayn* ('Itr, 2023).

Setelah pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda, Universiti al-Azhar, NDI pulang ke Halab dan bertugas sebagai guru pendidikan Islam di sana. Kecintaannya yang mendalam dalam menuntut ilmu menyebabkannya kembali ke Universiti al-Azhar di Kaherah menyambung pengajian di peringkat sarjana dan kedoktoran. Setelah tamat, NDI pulang semula ke Halab untuk meneruskan pengajarannya. Pada tahun 1965 M beliau dihantar sebagai pensyarah ke Universiti Islam di Madinah, Arab Saudi selama dua tahun sehingga tahun 1967 M (Hassan, 2023). Semasa di Arab Saudi, beliau memulakan penyelidikan ilmiah dengan mentahqiq kitab *'Ulūm al-Ḥadīth* karangan al-Imām Ibn al-Ṣalāh yang menjadi rujukan penuntut ilmu hadis. Setelah pulang kembali ke Syria, beliau meneruskan kerjanya sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Universiti Damsyik bermula tahun 1967. Setelah beberapa tahun di sana, beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan 'Ulūm al-Quran dan Sunnah dan mendapat pangkat professor penuh pada tahun 1979 (Al-Mansūr, 2020). Dalam masa yang sama, beliau juga mengajar di

fakulti-fakulti syariah di tempat-tempat lain seperti Ma'had al-Faḥ al-Islamī dan Mujamma' al-Shaykh Aḥmad Kiftaro.

NDI berkhidmat sebagai pakar rujuk menilai kurikulum sarjana muda dan pasca siswazah fakulti syariah di beberapa kolej dan universiti negara Arab termasuk Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Beliau juga berkhidmat sebagai pakar bertauliah dalam menilai penyelidikan ilmiah dan penulisan hadis di universiti dan institusi akademik di beberapa negara. Beliau juga bertindak sebagai penyelia dan penilai sejumlah besar disertasi sarjana dan tesis kedoktoran di beberapa universiti termasuk Universiti Damsyik, Universiti Halab, Universiti al-Awzā'ī di Lebanon, Universiti Um al-Qura di Mekah, Universiti Sharjah dan lain-lain universiti ('Itr, 2023; Hassan, 2023).

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Banyak hadis-hadis yang dibincangkan oleh NDI dalam kitabnya daripada aspek sastera dan kemasyarakatan yang sesuai dipraktikkan pada masa kini, namun pengkaji hanya mengambil satu hadis sebagai kajian dalam penulisan ini. Hadis daripada Abū Mūsā al-Ash'arī RA, daripada Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي مُوسَى عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْغَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتْ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتْ الْكَلَأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ وَكَانَتْ مِنْهَا أَجَادِبُ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَفَقَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَرَزَعُوا وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ أُخْرَى إِنَّمَا هِيَ قَيْعَانٌ لَا تُمْسِكُ مَاءً وَلَا تُنْبِتُ كَلَأً فَذَلِكَ مَثَلُ مَنْ قَفَّهَ فِي دِينِ اللَّهِ وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ وَمَثَلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَمَنْ يَقْبَلْهُ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ

[Al-Bukhārī, *Kitāb al-'Ilm*, *Bāb Faḍl man 'Alima wa 'Allama*. No. Hadis 79]

Maksudnya:

“Sesungguhnya perumpamaan hidayah dan ilmu yang Allah SWT utuskan aku dengannya adalah seperti hujan yang menimpa bumi. Maka terdapat sebahagian tanah yang subur menyerap air itu lalu menumbuhkan rumput dan tumbuh-tumbuhan yang banyak. Sebahagian daripadanya pula gersang, hanya menyimpan air, lalu memberi manfaat kepada manusia; mereka minum daripadanya, menyiram dan bercucuk tanam. Namun, sebahagian lagi merupakan tanah datar yang tidak menyimpan air dan tidak pula menumbuhkan tumbuh-tumbuhan. Maka, itulah perumpamaan orang yang memahami agama Allah SWT dan memperoleh manfaat daripadanya, serta orang yang tidak memperdulikannya dan tidak menerima petunjuk Allah SWT yang aku bawa.”

Menurut penulis, hadis ini menunjukkan keperluan manusia terhadap Islam, pendirian mereka terhadapnya dan golongan yang menolak dan menentang seruannya. Islam adalah keperluan yang mendesak kerana tanpanya kehidupan manusia tidak akan ada nilainya. Sejarah telah menunjukkan bahawasanya walaupun dengan kemajuan dan kemodenan yang wujud pada hari ini, akhirnya manusia masih perlu kepada agama Islam.

Hassan (2023) memperincikan huraian NDI dalam menterjemahkan sastera daripada hadis dengan menyatakan bahawa beliau mengilhamkan dari pembukaan hadis ini gambaran dalam imajinasinya tentang adegan hujan yang turun ke atas bumi yang gersang dan kering kontang. Dalam bayangannya yang penuh emosi dan perasaan dalaman, beliau menggambarkan adegan perumpamaan dalam hadis Nabi SAW ini sebagai satu refleksi kepada pemikirannya dan jiwanya yang halus. Hujan yang turun itu baginya melambangkan penyelamat yang sangat diperlukan bagi bumi yang telah lama dilanda kekeringan. Melalui kata *al-ghayth* (hujan), beliau menzahirkan betapa manusia ketika itu amat memerlukan nilai-nilai yang mampu menyelamatkan mereka daripada kemarau spiritual dan akhlak. NDI cuba melukiskan melalui pembukaan hadis ini adegan kekeringan rohani dan moral yang menimpa jiwa manusia, yang hidup dalam zaman tandus akhlak dan kebekuan pemikiran. 'Itr (2013) menyatakan bahawa dunia ketika itu seluruhnya berada dalam keadaan sangat memerlukan kepada seruan penyelamat, bangsa-bangsa dan umat manusia hidup dalam kegelapan jahiliah yang menyelubungi mereka. Mereka benar-benar mengharapkan seruan ini untuk menyelamatkan dan membebaskan mereka. Itulah maksud yang disampaikan oleh Nabi SAW melalui perumpamaan ini. Seluruh manusia ketika itu seumpama tanah kering yang telah dilanda kemarau berpanjangan, tanah yang mati, tidak bernyawa dan tidak teguh. Maka kebangkitan Rasulullah SAW adalah umpama hujan lebat yang menghidupkan manusia selepas kematian, dan seperti cahaya terang yang menyelamatkan mereka daripada kegelapan menuju cahaya.

NDI meneruskan penceritaannya dengan menggambarkan kebenaran situasi yang dihadapi oleh kemanusiaan pada waktu itu melalui suatu adegan yang nyata dan sejarah yang mendalam, menerangkan suasana penindasan dan kezaliman yang menyelubungi dunia sebelum kelahiran risalah Islam (‘Itr, 2013):

“Nabi Muhammad SAW diutuskan pada zaman yang penuh dengan kegelapan yang kelam, kezaliman yang menyeluruh, dan penindasan yang menyesak. Dunia pada ketika itu menyaksikan bangsa-bangsa besar dikuasai oleh roh penjajahan, dan salah satu daripada kuasa dunia utama ketika itu ialah bangsa Rom. Mereka dikenali sebagai pemerintah yang zalim, yang mengambil hak rakyat dan menindas mereka secara paksa, menutup setiap jalan kebebasan, dan membelenggu manusia dengan sistem sosial yang berlapis-lapis dan undang-undang cukai yang menindas. Semuanya ini telah menjadikan manusia seolah-olah hamba yang tidak punya sebarang ruang kebebasan. Maharaja mereka (Kaisar) menganggap dirinya sebagai dewa yang menguasai dan menghina rakyat yang ditaklukinya. Di atas segala ini, terdapat pelbagai kerosakan dan kebejatan moral yang bersekutu dengan pemerintahan yang rosak dan korup.”

Selepas menjelaskan keadaan Rom, NDI berpindah pula kepada adegan yang tidak kurang mengerikan mengenai bangsa Parsi, yang pada waktu itu merupakan saingan kuasa besar kepada Rom (‘Itr, 2013):

“Di dalam empayar Parsi, tersebar satu falsafah yang sangat ganjil dalam penyimpangan dan kebejatannya, iaitu falsafah Zoroastrianisme Majusi yang membenarkan perkahwinan sesama mahram dan menjadikan api sebagai sembah manusia. Tambahan pula, falsafah Mazdakiyyah membawa fahaman melampau yang menyeru kepada pemusatan harta dan wanita secara bebas, mencetuskan kekacauan sosial yang lebih dahsyat daripada apa yang dikenali di kalangan bangsa Rom dan menjadikan kerosakan yang sedia ada bertambah parah.”

Bahagian ini menggambarkan bagaimana NDI menggunakan gaya penceritaan sejarah yang dramatik dengan gaya yang indah, namun tetap sarat dengan kritikan sosial dan moral, sebagai sebahagian daripada pendekatan takwilan sastera beliau terhadap hadis *al-ghayth*. NDI turut memindahkan pembaca kepada gambaran tentang satu lagi keadaan kemanusiaan yang menyedihkan, iaitu keadaan dalam empayar Rom dan Parsi, apabila beliau menjelaskan bahawa walaupun mereka dianggap sebagai bangsa yang agung dan bertamadun, namun mereka sebenarnya telah kehilangan arah dari segi pemikiran dan akidah. ‘Itr (2013) menyatakan bahawa kaum Rom dan Parsi yang dianggap sebagai kuasa besar dunia ketika itu, sebenarnya tidak membawa sebarang makna penting dari sudut budaya dan peradaban. Mereka hanya meniru bentuk-bentuk tamadun secara luaran, tetapi kosong dari segi nilai sebenar. Mereka kononnya mendakwa diri mereka sebagai pemilik pengetahuan logik dan akal falsafah, tetapi pada masa yang sama hidup dalam kontradiksi akidah dan kerosakan pemikiran. NDI kemudian berpindah kepada perihal Yunani, yang sering dianggap sebagai asas tamadun Barat pada masa lalu sehingga ke hari ini, lalu memberikan kritikan tajam terhadap struktur pemikiran mereka (‘Itr, 2013):

“Adapun bangsa Yunani, falsafah mereka telah dikuasai oleh syahwat dan diselaputi dengan kerosakan falsafah yang mencampur-adukkan kepercayaan mereka sendiri. Mereka menyembah berhala dan mengangkat tuhan-tuhan rekaan yang pelbagai yang direka berdasarkan mitos, legenda, dan imaginasi tentang perang dan damai. Mereka menyandarkan kepada tuhan-tuhan mereka pelbagai kisah aneh, hingga ada cerita bahawa tuhan menculik kanak-kanak atau berperang sesama sendiri. Semua ini hanyalah hasil fikiran manusia yang rosak. Ironinya, para ahli falsafah utama mereka sendiri mengakui bahawa tuhan mereka ramai dan bertentangan antara satu sama lain, namun dalam masa yang sama mendakwa sebagai pembela kebebasan manusia dan kemajuan. Hal ini menunjukkan kontradiksi yang besar dalam sistem kepercayaan mereka.”

DNI menyimpulkan bahawa falsafah Yunani yang dianggap hebat itu hakikatnya telah membawa kepada kehancuran nilai dan tiada hubungan langsung dengan kemajuan kemanusiaan sebenar. ‘Itr (2013) menambah bahawa falsafah mereka hanyalah satu bentuk kepalsuan yang tidak menghasilkan sebarang kemajuan peradaban. Ia lebih mirip kepada kehidupan kanak-kanak dari segi perkembangan tamadun, dan terlalu banyak dipenuhi oleh khurafat, penyimpangan seksual dan budaya hedonisme yang tersebar dalam masyarakat mereka. Mereka yang mendakwa sebagai ahli falsafah itu sendiri sebenarnya hidup dalam keadaan lebih buruk daripada masyarakat Arab jahiliah di semenanjung Arab.

Selepas menjelaskan gambaran kerosakan dan kegelapan dalam empayar Rom, Parsi dan Yunani, NDI melanjutkan analisisnya kepada bangsa Arab dan rantau mereka, yang menjadi tumpuan risalah kenabian. Beliau menggambarkan bangsa Arab ketika itu sebagai antara masyarakat paling teruk dari sudut pemikiran, akhlak

dan sosial, meskipun berada di tengah-tengah kawasan yang strategik dan penting. Mereka menyembah berhala dan hidup dalam realiti yang sangat menyedihkan dan penuh perpecahan, pertelingkahan puak serta perbezaan yang membinasakan. Mereka mencipta berhala sendiri dan menyembahnya, malah menjadikan patung-patung buatan tangan mereka sebagai tuhan yang diberi kemuliaan seperti kedudukan Tuhan Yang Maha Esa. Ini merupakan bentuk syirik paling keji, kerana mereka menjatuhkan darjat manusia serta hak Tuhan dan hak diri sendiri secara serentak bahkan lebih buruk daripada syirik masyarakat Yunani ('Itr, 2013). Matlamat mereka menyembah berhala adalah untuk mendapatkan syafaat, meminta pertolongan dan memohon perlindungan (Al-Mubārakfūrī, 2007). Krisis ketuhanan dengan penyembahan berhala dan krisis kemanusiaan dengan penindasan dan kezaliman adalah identiti yang sebatian dengan masyarakat Arab jahiliah sebelum kedatangan Islam (Mohd Mustaffa, 2020). Beliau menyambung penjelasannya dengan menggambarkan keadaan Semenanjung Arab ketika itu ('Itr, 2013):

“Wilayah Hijaz dan seluruh Jazirah Arab hidup dalam keadaan terpisah dan berpecah-belah dengan sengketa suku dan permusuhan berdarah. Perang-perang berlaku hanya kerana sebab-sebab remeh sehingga seorang lelaki boleh membunuh anak saudaranya atau saudara kandungnya sendiri. Hubungan kekeluargaan terputus, dan jiran-jiran hidup dalam ketakutan akibat ketidakstabilan. Tradisi Jahiliah bangsa Arab turut menyaksikan amalan menanam bayi perempuan hidup-hidup, penganiayaan terhadap wanita dan hamba, serta pelbagai bentuk penindasan sosial yang menjadikan mereka tergolong dalam kalangan manusia paling tidak berperikemanusiaan. Kaum Arab ketika itu hidup dalam satu masyarakat yang kolot dan berasaskan puak, yang tidak menghargai ilmu, tidak membuka jalan kepada pembentukan tamadun, malah membelenggu diri mereka sendiri dengan rantai kenikmatan duniawi yang rendah. Mereka menjadi masyarakat yang paling keji dalam pandangan bangsa-bangsa lain, kerana mereka tidak memberikan sebarang perhatian terhadap urusan pembangunan masyarakat dan kemajuan dalam apa-apa bidang kehidupan.”

Setelah mengemukakan huraian terperinci mengenai bangsa-bangsa dan masyarakat yang hidup dalam kegelapan dan penyimpangan nilai, NDI kemudian memberi fokus khusus terhadap umat Arab dan keseluruhan umat manusia, yang berada dalam keadaan kehausan nilai dan kelaparan terhadap kebenaran dan akidah. Beliau menegaskan bahawa gambaran ini mencerminkan keperluan mendesak seluruh umat manusia terhadap seruan Nabi Muhammad SAW ('Itr, 2013):

“Gambaran yang paling tepat tentang manusia ketika itu ialah seperti bumi yang dahaga dan kering kontang yang dilanda dengan kehausan yang sangat dasyat. Seruan Rasulullah SAW datang tepat pada saat itu seperti hujan lebat yang menyuburkan bumi, menyelamatkan mereka daripada kekeringan dan membawa kembali kehidupan kepada tanah yang mati. Hujan ini (risalah kenabian) membawa hidayah menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kebingungan, mengembalikan mereka kepada kebenaran dan keadilan, serta memperkenalkan mereka kepada Allah SWT dan hari akhirat. Itulah *al-ghayth* (hujan) sebenar yang telah diutuskan bersama Nabi Muhammad SAW.”

Selepas menghuraikan pelbagai gambaran dan simbolik, NDI memindahkan pembaca kepada dimensi yang lebih mendalam dalam pentakwilan hadis Nabawi mengenai hujan, dengan mengaitkan turunnya hujan sebagai isyarat kepada penyelamatan besar yang dibawa oleh Nabi SAW. 'Itr (2013) menjelaskan melalui ilham takwilan sastera terhadap hadis Nabi SAW, beliau menggambarkan bahawa hujan yang turun ke bumi yang tandus itu adalah isyarat kepada proses penyelamatan yang agung. Hujan ini datang membawa rahmat dan manfaat yang besar. Hadis ini menegaskan bahawa air hujan yang turun dengan banyaknya dilambangkan sebagai *al-ghayth*, dan ini berbeza daripada sekadar *al-maṭar* (hujan) yang biasa disebut. Perkataan *al-ghayth* itu datang dalam jumlah yang besar, memberi faedah dan keberkatan yang luas kepada bumi yang kering kontang.

Istilah *al-maṭar* lazimnya digunakan dalam makna umum dan neutral, iaitu air yang turun daripada langit tanpa penilaian positif atau negatif. *Lisān al-‘Arab* menjelaskan bahawa *al-maṭar* merujuk kepada hujan yang boleh bersifat bermanfaat atau memudaratkan bergantung kepada konteks (Ibn Manẓūr, 2005). Walaupun sebahagian ayat al-Quran mengaitkan *al-maṭar* dengan azab, analisis korpus hadis menunjukkan penggunaannya dalam tradisi nabawi lebih bersifat deskriptif. Sebagai contoh, lafaz *al-maṭar* digunakan dalam doa ketika hujan *مُطْرِنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ* (Kami diberi hujan dengan kurnia Allah SWT dan Rahmat-Nya) sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhārī (1993) dan Muslim (1955). Sebaliknya, istilah *al-ghayth* membawa konotasi positif, iaitu hujan yang menjadi sumber rahmat, pertolongan, dan keberkatan. Menurut Tāj al-‘Arūs, *al-ghayth* ialah hujan yang turun ketika manusia sangat memerlukannya dan membawa manfaat (Al-Fayrūzābādī, 1994). Dalam tradisi hadis,

istilah ini digunakan secara khusus dalam konteks doa *istisqā'*, misalnya doa *اللَّهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيثًا* (Ya Allah, berilah kami hujan yang menyelamatkan) seperti yang diriwayatkan oleh [al-Ṭabarānī \(1983\)](#). Penggunaan ini menunjukkan bahwa *al-ghayth* bukan sekadar hujan, tetapi hujan yang dilihat sebagai manifestasi rahmat Ilahi, bukan sekadar fenomena meteorologi.

Selepas mengemukakan kandungan takwilan rohani yang mendalam terhadap konsep *al-ghayth*, NDI menyimpulkan bahawa kefahaman terhadap hujan ini membawa kepada hasil yang sangat positif dan menunjukkan betapa penting dan perlu konsep ini difahami secara menyeluruh oleh umat manusia. Beliau menyatakan dengan penuh semangat bahawa seruan Nabi Muhammad SAW adalah lambang cahaya yang menyinari umat manusia, khususnya bagi dunia Arab yang sedang dilanda kegelapan ketika itu. Beliau menekankan bahawa dengan kekuatan iman dan prinsip keadilan serta kebenaran, para sahabat Nabi telah tampil sebagai pemimpin dunia yang menundukkan empayar besar dan menyampaikan risalah kebenaran ke seluruh pelusuk dunia sepertimana 'Umar al-Khaṭṭāb RA, yang berdiri di hadapan panglima Parsi dan menyampaikan kepadanya prinsip-prinsip keadilan dan kebenaran yang diambil daripada ajaran Islam, lalu berkata ([Itr, 2013](#)):

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan sesiapa sahaja yang Dia kehendaki daripada penyembahan sesama makhluk kepada penyembahan kepada Allah SWT, daripada kesempitan dunia kepada keluasannya, dan daripada kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.”

4. TAFSIRAN KONSEP KONTEMPORARI *AL-GHAYTH*

NDI menyatakan bahawa sejarah telah berputar kembali, dan zaman moden menyaksikan umat manusia kembali kepada keadaan seperti dahulu iaitu pengulangan kepada bentuk asal kekosongan rohani di kalangan bangsa dan Negara. [Itr \(2013\)](#) menjelaskan bahawa zaman kini memperlihatkan bagaimana kezaliman kembali menguasai dunia atas tangan kuasa-kuasa besar penjajah dan sistem materialisme yang berkuasa. Kebencian rakyat semakin membuak, sehingga manusia menjadi seperti pemangsa yang lapar dan rakus dalam mengejar kepentingan diri tanpa mengira nilai-nilai kemanusiaan. Dalam masa yang sama, Zionisme dengan tipu daya halusnyanya menjalankan agenda kerosakan dan perpecahan mengikut rancangan mereka yang telah dirancang rapi.

Seterusnya, NDI mengingatkan semula bahawa keperluan manusia terhadap *al-ghayth* (hidayah) kenabian adalah sama pentingnya seperti dahulu pada zaman jahiliah. Beliau turut menyatakan bukti material tentang kebinasaan nilai dalam masyarakat moden, dan menegaskan bahawa tamadun hari ini telah menyeret kemanusiaan ke dalam gaung materialisme kosong dengan katanya ([Itr, 2013](#)):

“Tidakkah cukup bagi kita bukti bahawa kadar bunuh diri kini adalah paling tinggi dan dalam jumlah yang besar di negara-negara terkaya dan paling mewah? Tidakkah cukup juga sebagai bukti kegagalan pendekatan materialisme dalam mencipta kehidupan yang bahagia, apabila kadar penceraian di Amerika Syarikat telah mencapai 65% dan 48%? Tidakkah cukup juga untuk kita melihat masa depan yang gelap dan malang bagi generasi baru, yang ramai dalam kalangan mereka langsung tidak mengenali bapa kandung mereka, malah dibesarkan di rumah jagaan buatan seperti ayam dan lembu yang ditenak? Tidakkah memadai bagi kita untuk menyedari bahawa kebebasan seksual yang didakwa sebagai kebebasan sebenar telah membawa kepada suatu bahaya besar yang mengancam umat manusia dengan akibat kesihatan yang sangat buruk dan membinasakan?”

Akhirnya, NDI mengalihkan perhatian kepada pentingnya *al-ghayth* petunjuk kenabian pada zaman ini yang penuh dengan kehancuran nilai akibat dominasi materialisme. Betapa perlunya umat manusia pada hari ini kepada hidayah yang mampu menyelamatkannya daripada kegelapan kezaliman yang menyelubungi. Malangnya, alangkah celakanya bagi sesiapa apabila menjauhkan diri daripada hidayah ini. Pada setiap zaman dan tempat, hujan rahmat itu telah datang, dan Allah SWT telah menyampaikannya kepada manusia. Namun, bumi yang menerima hujan itu tidak sama dan ia berbeza antara satu kawasan dengan kawasan lain dalam menerima rahmat hujan tersebut ([Itr, 2013](#)).

NDI menjelaskan bahawa hadis ini mengandungi perincian yang sangat halus terhadap sifat-sifat tanah yang menerima hujan, dan menyatakan bahawa gaya penyampaian hadis ini sangat menonjol dari aspek keindahan retorik dan susunan puitis. Beliau menegaskan dengan katanya bahawa tanah-tanah yang disebut dalam hadis ini mempunyai sifat-sifat yang berbeza, dan ia digambarkan dengan gaya penyebaran yang tersusun dan susunan estetik yang jelas, yang merupakan sebahagian daripada unsur *balāghah* (retorik) Arab yang tinggi. Beliau

menambah lagi bahawa hadis ini menggunakan gaya *al-faṣl wa al-waṣl*, iaitu gaya memisahkan dan menyambungkan unsur-unsur secara berkesan dan berseni, lalu membahagikan jenis tanah kepada tiga kategori ('Itr, 2013):

- i. Tanah yang baik, subur dan menyerap air sepenuhnya, lalu menghasilkan tumbuh-tumbuhan dan memberikan manfaat besar. Ini melambangkan individu yang menerima ilmu dan hidayah, lalu mengamalkannya dan menyebarkannya kepada orang lain.
- ii. Tanah yang gersang tetapi menyimpan air, tidak menyerap air untuk dirinya, tetapi menyimpan air itu supaya manusia boleh mengambil manfaat daripadanya daripada meminum, menyiram dan menanam. Ini melambangkan orang yang tidak mengamalkan ilmu untuk diri sendiri, tetapi menjadi perantara ilmu bagi orang lain.
- iii. Tanah datar (*al-qī'ān*) yang tidak menyimpan air dan tidak menumbuhkan tumbuhan, ia tidak menerima ilmu dan tidak memberi manfaat kepada sesiapa pun sebagai satu gambaran kepada golongan yang menolak hidayah sepenuhnya.

NDI menekankan bahawa susunan ini bukan hanya logik, tetapi juga penuh dengan keindahan sastera yang membahagikan kategori manusia secara puitis dan berimpak tinggi, sambil tetap mudah difahami oleh pendengar biasa. Beliau menjelaskan bahawa hadis ini mengemukakan satu perumpamaan yang luar biasa tentang sifat-sifat manusia melalui tiga jenis tanah, yang masing-masing mewakili sikap dan reaksi mereka terhadap hidayah dengan katanya. Beliau melanjutkan analisis dengan menyatakan bahawa pendekatan perumpamaan ini menggambarkan pelbagai bentuk penerimaan manusia terhadap hidayah kenabian, khususnya terhadap *al-ghayth* yang melambangkan wahyu dan ilmu. Tiga kategori manusia menurut hadis adalah seperti berikut ('Itr, 2013):

- i. Golongan yang menerima seruan Nabi Muḥammad SAW, beriman dengannya, mempelajarinya, mengamalkannya dan menyampaikannya kepada orang lain. Mereka menyambut hidayah seperti tanah subur yang menyerap air, menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan mengeluarkan hasil. Hati mereka menerima kebenaran, dan mereka menjadi sumber kebaikan serta bimbingan kepada masyarakat sebagai pengamal dan penyebar manfaat ilmu dan agama.
- ii. Golongan yang beriman dengan seruan Islam, tetapi tidak menyempurnakan kebaikan dalam diri mereka sepenuhnya. Namun, mereka menyebarkannya kepada orang lain seperti tanah yang menyimpan air tetapi tidak menumbuhkan rumput, mereka menyimpan ilmu tanpa menghasilkan amal secara langsung tetapi menjadi perantara kebaikan kepada orang lain meskipun diri mereka tidak sempurna.
- iii. Golongan yang tidak menerima hidayah dan tidak memberi manfaat daripadanya, seperti tanah datar yang tidak menyimpan air dan tidak menumbuhkan apa-apa.

NDI mengulas bahawa perumpamaan ini bukan sahaja menggambarkan kesan hidayah, tetapi juga menunjukkan kepelbagaian reaksi manusia terhadap ilmu daripada penerimaan penuh, penerimaan separa, hingga penolakan mutlak yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Pendekatan beliau dalam mentafsirkan hadis sesuai dengan isu kemasyarakatan pada hari ini menggambarkan kedalaman ilmu beliau dalam memahami dan menghuraikannya kepada masyarakat umum ('Itr, 2013).

5. KESIMPULAN

Hadis-hadis Nabawi mempunyai keistimewaan gaya *i'jāz* (gaya bahasa yang sangat ringkas tetapi padat makna) sebagaimana terdapat dalam al-Qur'an, memperlihatkan pelbagai bentuk ungkapan yang bernilai tinggi dan hukum yang mendalam, serta gambaran-gambaran yang menakjubkan dan penuh simbolik, yang muncul daripada banyak lapisan makna dan dikelilingi oleh keluasan makna. Ia menjadi contoh yang unggul seiring dengan perkembangan kesusasteraan kontemporari.

Melalui kandungan pemikiran dalam hadis, khususnya pada lafaz *al-ghayth* (hujan), NDI telah memberikan suatu tafsiran yang kreatif dan gambaran yang menakjubkan dalam bentuk imaginasi. Gambaran turunnya hujan di tanah gersang yang menyusul selepas kemarau panjang memberikan kesan mendalam kepada pembaca, yang seolah-olah menyeru kepada nilai-nilai kemanusiaan dan mengesahkan ketidakadilan yang berlaku. Gambaran ini menggambarkan betapa dalam tempoh tersebut, manusia menghadapi ketandusan dari segi nilai dan sangat memerlukan seni yang membawa makna kemanusiaan. Ia melalui beberapa peringkat penting, antaranya adalah:

- i. Tahap pertama: Menggambarkan keadaan manusia yang berada dalam kegelapan kezaliman dan ketidakadilan, yang mencerminkan hakikat masyarakat Arab yang hidup dalam realiti yang parah dan penuh penderitaan pada zaman silam, bahkan sebelum kebangkitan Islam dari sudut sejarahnya.

- ii. Tahap kedua: Selepas keadaan kemerosotan yang melanda bangsa Arab, turunnya hujan ini membawa natijah yang positif, lalu digambarkan sebagai permulaan kebangkitan. Bangsa Arab menjadi peneraju harapan umat manusia dengan membawa obor cahaya ketuhanan melalui kekuatan iman dan dakwah Nabi Muhammad SAW. Dengan itu, bangsa Arab tampil sebagai pelopor peradaban yang unggul, membawa mesej kemanusiaan dan keadilan sejagat sepertimana apabila 'Umar al-Khaṭṭāb RA berdiri di hadapan panglima Parsi, membawa prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan untuk memimpin dunia.
- iii. Tahap ketiga: Penurunan makna hujan ini turut ditafsirkan dalam konteks kontemporari, dengan menyesuaikan kepada realiti zaman kini. Ini kerana realiti masa kini sedang menyaksikan kebangkitan semula bentuk-bentuk kezaliman dan penindasan dari aspek pemikiran, kekurangan etika, dan ketidakadilan yang merentasi bangsa dan umat. Hujan ditafsirkan semula sebagai simbol harapan terhadap kebangkitan etika dan akhlak dalam kalangan umat yang sedang dilanda kemerosotan moral dan kebendaan.

Tuntasnya, ulama menafsirkan simbol hujan dalam hadis sebagai gambaran kebangkitan umat manusia yang dahulu, ia melambangkan munculnya Islam setelah zaman kezaliman dan pada hari ini, ia mengajak manusia memulihkan nilai ketika dunia kembali tenggelam dalam ketidakadilan dan keruntuhan etika.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh tiga pengarang. Abdul Hadi Awang mengumpul dan menganalisis data. Mohd Khafidz Soroni & Mohd Kamarul Khaidzir Saadan melakukan semakan, suntingan dan memastikan metodologi yang digunakan adalah sesuai dan mencapai objektif penulisan. Manakala Parlindungan Simbolon memberikan idea dan fokus penulisan.

RUJUKAN

- 'Itr, N. D. (2013). *Fī zilāl al-ḥadīth al-nabawī wa ma'ālim al-bayān al-nabawī*. Kaherah: Dār al-Salām.
- 'Itr, N. D. (2023). *Manāhij al-muḥaddithīn al-'āmmah fī al-riwāyah wa al-taṣnīf*. Damsyik: Dār al-Minhāj al-Qawīm.
- Al-Anīs, 'A. S. (2020). *Rābiṭah al-'ulamā' al-sūriyyīn*. Dicapai daripada <https://islamsyria.com/ar/>.
- Al-Bukhārī, M. I. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Fayrūzābādī, M. (1994). *Tāj al-'Arūs min jawāhir al-qāmūs*. Kuwait: Wizārat al-I'lām.
- Al-Mansūr, M. 'I. W. (2020). *Rābiṭah al-'ulamā' al-sūriyyīn*. Dicapai daripada <https://islamsyria.com/ar/>.
- Al-Mubārakfūrī, Ṣ. R. (2007). *Al-Raḥīq al-makhtūm*. Qatar: Idārah Shu'ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Nadawī, M. A. (2020). *Wāḥzahāh 'alā al-shaykh Nūr al-Dīn 'Itr Raḥimah Allah. Rābiṭah al-'Ulamā' al-Sūriyyīn*. Dicapai daripada <https://islamsyria.com/ar/>.

- Al-Ṭabarānī, S. A. (1983). *Al-Mu'jam al-kabīr*. Kaheerah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ḥassan, Ṣ. A. (2023). Malāmiḥ al-ta'wīl al-adabī lithī Dr. Nūr al-Dīn 'Itr fī al-Ḥadīth al-Nabawī (Ḥadīth al-Ghayth Anmūzajan). *Majallah Kuliyat al-Tarbiyyah*, 18(1), 77-98.
- Ibn Manẓūr, M. M. (2005). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Jaiyeoba, H. B., & Osmani, N. M. (2024). Hadith preservation: Techniques and contemporary efforts. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 31-45. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no3.597>.
- Jaiyeoba, H. B., Ushama, T., & Amuda, Y. J. (2024). The Quran as a source of ethical and moral guidance in contemporary society. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 9(2), 1331-1345. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v9i2.485>.
- Kātabī, M. A. (2020). *Nūr al-Dīn 'Itr. Rābiṭah al-'ulamā' al-sūriyyīn*. Dicapai daripada <https://islamsyria.com/ar/>.
- Mohd Mustaffa, N. N. (2020). Perubahan tingkah laku masyarakat Arab jahiliyyah kepada tingkah laku beragama. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 16-25. Dicapai daripada <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/29>.
- Muslim, Ḥ. Q. N. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaheerah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Usman, A. H. (2025). Voices of Muslim scholars: Navigating contemporary challenges in Islamic thought. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(1), xxi-xxix. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i1.532>.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

